

19 FEB 1998

MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini berlepas ke Sabah selepas melakukan lawatan sehari ke Brunei dalam rangka lawatannya ke negara-negara Asean.

Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei Pehin Abdul Rahman Mohamad Taib dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei Wan Yusof Wan Embong berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir.

Malam tadi Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanah Bolkuah mengenai masalah ekonomi serantau di Kelab Golf Diraja Brunei, Jerudong kira-kira 20 km dari sini.

Beliau juga diraikan pada jamuan malam oleh Sultan Brunei.

Dr Mahathir sebelum ini melawat Bangkok, Manila dan Singapura untuk membincangkan masalah ekonomi serantau dengan rakan sejawatannya.

Dr Mahathir akan melakukan lawatan ke Sabah selama dua hari di mana beliau dijadual merasmikan konvensyen kedua Barisan Nasional Sabah di Kota Kinabalu esok.

Beliau juga dijadual merasmikan Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (Sabah) di Shangri-La's Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu pagi ini dan pada sebelah petang merasmikan majlis pecah tanah kilang besi Nusantara Steel Corporation Sdn Bhd di Kampung Limau-Limauan, Kudat. -- BERNAMA

OPP AKD